

FRIM sedia bantu PBT jaga pokok elak tumbang



SEPASANG suami isteri cedera selepas motosikal yang ditunggangi mereka merempuh sebatang pokok yang tumbang di Jalan Ampang, Kuala Lumpur kelmarin.

KUALA LUMPUR - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menerusi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menawarkan khidmat bantuan kepada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam pengurusan pokok bagi mengelak kejadian pokok tumbang.



WAN JUNAIDI

Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pihaknya sedia menawarkan khidmat nasihat, perundingan teknikal dan latihan dalam pemeriksaan pokok-pokok tua bagi mengurangi ancaman kepada orang ramai.

"FRIM mempunyai kepakaran dan peralatan terkini untuk membantu di samping melatih kakitangan PBT serta kon-

Suami isteri cedera rempuh pokok 130 tahun

SEPASANG suami isteri yang baru melangsungkan perkahwinan kelmarin cedera selepas motosikal yang mereka nali merempuh sebatang pokok tumbang di Jalan Ampang berhampiran Kompleks Berhampar Perhutanan KLCC di Kuala Lumpur semalam.

Pasangan pengantin yang cedera dalam kejadian pada pukul 7.25 pagi itu ialah Norazal Muzil, 28, dan Mia Eafa Ahd, Rosid, 25. Ditahapkan, pokok yang tumbang itu merupakan pokok hujan hujan yang mempunyai umur 130 tahun, meter dan berusia lebih 130 tahun.

3 LAPORAN DI MUKA 10

KERATAN Kosmo! semalam.

traktor yang dilantik. "Selain menjalankan pemeriksaan pokok dan penyelenggaraan berkala dengan lebih sistematik, FRIM juga sedia membantu PBT yang berhasrat mengenal pasti risiko pokok berbahaya di kawasan masing-masing," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar di Bangunan Parlimen di sini semalam.

Kosmo! semalam melaporkan sepasang suami isteri cedera selepas melanggar pokok hujan-hujan yang tumbang di Jalan Ampang di sini kelmarin.